

Headline **Menghakis stigma rawat pesakit AIDS**
Date **22 May 2011**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **Rashiqah Ilmi Abd Rahim**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **21**
Article Size **293 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **8,298**
PRValue **24,894**



Menghakis stigma rawat pesakit AIDS

Golongan agama perlu bantu perangi dadah, seks bebas

Rashiqah Ilmi Abd Rahim

"JIKA saya lemah semangat dan terlalu sedih mendengar cacian orang, sudah lama saya mati. Tetapi rasa sedih itu hadir seketika saja kerana saya tahu, saya harus reda dengan ketentuan Ilahi," kata Jamaliah Sulaiman, ketika ditemui pada sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia, baru-baru ini.

Jamaliah pernah mengecapi kebahagiaan seperti insan lain, namun segala-galanya musnah apabila dia disahkan HIV positif selepas kematian suaminya yang juga menjadi punca dia menghidap pesakit itu.

Bagaimanapun, peristiwa hitam itu tidak sedikit pun mematahkan keazamannya meneruskan hidup bahkan pengalaman itu dijadikan pengajaran untuknya memulakan kehidupan baru selepas bergelar pesakit HIV.

"Akibat terlalu akur dan taat kepada suami, saya tidak peka dengan perubahan berlaku terhadap suami hinggalah mengetahui perkara sebenar. Namun, saya tidak pernah menyalahkan suami, malahan apa yang berlaku benar-benar membuka mata saya sebagai wanita.

"Selepas semua yang berlaku, saya sedar bahawa setiap anggota masyarakat harus peka dalam usaha mengembalikan penghidap

HIV/AIDS ke jalan yang benar. Kini, saya berkhidmat di Yayasan PT iaitu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperoleh dana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kementerian Kesihatan yang berfungsi membantu golongan penagih dadah, pelacur, mak nyah, pengemis serta anak-anak terbiar dan penghidap HIV positif yang tertumpu di kawasan Chow Kit," katanya.

Jamaliah berkata, sepanjang tempoh perkhidmatannya di Yayasan PT, dia mendapati wanita sering menjadi mangsa lelaki, manakala sebahagian penghidap HIV/AIDS berasal dari kelompok yang tiada kesedaran agama.

"Justeru, saya mencadangkan agar pendekatan agama digunakan dalam usaha mengembalikan penghidap HIV/AIDS ke pangkuan masyarakat," katanya.

Perkara sama turut disuarakan hadirin acara Hari Memperingati AIDS Sedunia anjuran Yayasan PT yang rata-rata menganggap pendekatan agama sebagai kaedah terbaik mengatasi masalah itu.

Pengerusi Yayasan PT, Hisham Hussien, berkata pendekatan kembali kepada pegangan agama cara terbaik dalam mengatasi masalah itu kerana ia bukan sekadar masalah kesihatan semata-mata.

"Walaupun kes baru yang positif HIV berkurangan berbanding lima tahun lalu, peningkatan kes baru membabitkan hubungan seksual antara lelaki dan wanita, selain lelaki dan lelaki semakin membimbangkan kerana membabitkan golongan isteri dan kanak-kanak," katanya.

Bagi mencapai usaha itu, kempen Hari Memperingati AIDS Sedunia mula menerapkan elemen keagamaan.

Kempen yang diadakan di Pusat Bantuan Khidmat Sosial Yayasan PT, Jalan Tuanku Abdul Rahman, itu turut mendapat sokongan 10 peserta program realiti Imam Muda, musim kedua.

Mereka tampil dalam slot keagamaan mempersembahkan nasyyid dan membaca surah Yasin selepas solat berjemaah bersama komuniti Islam yang hadir pada malam itu.



Pendekatan kembali kepada pegangan agama cara terbaik dalam mengatasi masalah itu

Hisham Hussien
Pengerusi Yayasan PT



PENULIS bersama mangsa jangkitan Aids, Jamaliah.